

11/01/2000

Johor tidak hadkan calon tanding Naib Presiden

MUAR, Isnin - Umno Johor membuat keputusan untuk tidak mengehendkan jumlah pemimpinnya yang berhasrat untuk menawarkan diri bertanding merebut jawatan Naib Presiden dan Majlis Tertinggi (MT).

Setakat ini, Umno negeri bersetuju dan membuat keputusan untuk menyokong bahawa Presiden dan Timbalan Presiden tidak ditandingi serta akan mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi kedua-dua jawatan tertinggi itu.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata keputusan itu sudah dipersetujui dalam mesyuarat Umno Johor pada 4 Januari lalu.

"Kami di Johor membuat keputusan bersetuju di atas cadangan dan nasihat MT bahawa Dr Mahathir dan Abdullah dicadangkan sebagai Presiden dan timbalannya.

"Ini akan diterjemahkan dalam bentuk sokongan yang dapat diberikan di semua bahagian kami seluruh Johor.

"Tujuannya supaya tidak berlaku pertandingan yang boleh menjejaskan perpaduan dalam parti," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbukanya di Sungai Mati, dekat sini, yang dihadiri kira-kira 10,000 tetamu sejak jam 10 pagi tadi.

Setakat ini, Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi, Datuk Seri Syed Hamid Albar sudah menyuarakan hasrat untuk bertanding jawatan Naib Presiden. Ghani masih mendiamkan diri, manakala bekas Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin belum memberi sebarang pengesahan.

Abdul Ghani menegaskan bahawa Umno Johor mengambil pendirian untuk tidak menyekat mana-mana calon daripada bertanding jawatan naib presiden dan MT.

"Itu adalah hak masing-masing dan Umno Johor tidak menyekat sesiapa pun kerana kita serahkan kepada Umno bahagian dan cawangan yang mula bermesyuarat untuk membincangkan perkara berkenaan.

"Dalam hal ini, saya minta supaya kita serahkan kepada mesyuarat perwakilan peringkat bahagian untuk menentukan calon yang hendak bertanding dalam pemilihan nanti.

"Soal berapa calon dari Johor, tidak sepatutnya jadi isu dan kita terima apa saja pengiktirafan dari peringkat bahagian, termasuk sokongan masing-masing.

"Tiada had batasan... berapa sekali pun (jumlah yang dicalonkan)," katanya.

Sehubungan itu, Abdul Ghani berkata, Umno Johor bersikap terbuka dengan berpegang teguh kepada pengiktirafan dan penerimaan dalam mesyuarat peringkat bahagian dan cawangan.

"Tiada sesiapa pun nak disekat (daripada bertanding) dan kita tidak perlu sebut mana-mana pihak disekat, sebaliknya kita terima apa jua keputusan yang dibuat pada peringkat bahagian dengan hati terbuka.

Beliau berkata, pertandingan sememangnya patut berlaku kerana Umno sebuah parti demokrasi.

"Namun, keghairahan untuk bertanding perlu dikawal agar tidak keterlaluan hingga membawa masalah kepada proses pemilihan dan amalan yang tidak sihat seperti yang berlaku pada masa lalu.

"Dalam keadaan parti menghadapi cabaran besar selepas pilihan raya lalu, saya percaya pemilihan kali ini memberi kesempatan kepada Umno memilih di kalangan ahlinya yang dapat menerajui kekuatannya untuk harungi cabaran," katanya.

(END)